

11/03/2001

Semua pihak wajar usaha jayakan pertemuan

Mohd Zin Ali

PETALING JAYA: Semua pihak perlu mencari jalan supaya pertemuan pemimpin Umno dan Pas untuk membincangkan isu berkaitan kepentingan orang Melayu menjadi kenyataan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ketika ini, pendirian Umno cukup jelas seperti yang disuarakan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang inginkan pertemuan itu diadakan.

Menurutnya, Umno berharap pertemuan itu diadakan tanpa syarat dan peraturan seperti yang diinginkan Perdana Menteri bagi membolehkan pertemuan pertama dapat diadakan.

Sebarang perkara yang ingin dikemukakan oleh pemimpin Pas boleh dibincangkan dalam pertemuan itu kelak, kata beliau.

"Ketika ini, Umno sudah menyuarakan pandangan mengenai agenda pertemuan itu. Ia bukan untuk kepentingan Umno atau pihak lain, tetapi untuk kepentingan Melayu.

"Umno sudah memperjelaskan mengenai topik yang perlu diperbincangkan. Tumpukan kepada empat perkara yang ditetapkan itu kerana ia bukan untuk kepentingan Umno tetapi demi kepentingan Melayu.

"Kalau boleh, semua pihak berusaha mencari jalan supaya pertemuan pertama untuk kepentingan orang Melayu itu dapat diadakan terlebih dahulu," kata Muhyiddin ketika ditemui selepas melancarkan Butik dan Bilik Pameran `Embun' di Jalan 14/52 di sini, petang semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Md Isa yang menyatakan persetujuan secara dasarnya mengenai cadangan Perdana Menteri, serta meminta supaya skop perbincangan diperluaskan termasuk soal kebebasan berkumpul secara aman mengikut Fasal 10 Perlembagaan itu.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyatakan pertemuan Umno-Pas bertujuan untuk membincangkan perkara yang membabitkan kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mengulas mengenai agenda itu, Muhyiddin berkata, agenda yang ditetapkan Umno adalah munasabah dan bukannya satu perkara yang luar biasa serta baru, tetapi perlu diperjelaskan lagi supaya dapat difahami dengan baik oleh semua pihak.

Selain itu, Muhyiddin berkata, pertemuan antara pemimpin kedua-dua parti itu mungkin diadakan lebih daripada sekali kerana sesuatu agenda yang sebesar itu memerlukan masa untuk diperbincang dan mendapat persefahaman.

Beliau berkata, orang Melayu ketika ini dikatakan berpecah-belah kerana tidak mempunyai pendirian yang satu dalam isu yang berhubung kepentingan Melayu.

"Ada kelompok Melayu atas dasar kepentingan politik, tidak mahu mempertahankan hak kepentingan Melayu. Golongan ini lebih terdorong untuk mempertahankan hak kumpulan, puak dan parti mereka serta mengetepikan soal besar seperti isu kepentingan bangsa dan orang Melayu.

"Kita bimbang akhirnya akan wujud kelompok Melayu yang enggan mempertahankan hak orang Melayu. Ini yang ingin dicadangkan oleh Umno supaya kita dapat duduk dan berbincang semula supaya semua pihak tidak lari dari landasan yang sepatutnya.

"Oleh itu, Pas sepatutnya menyambut baik perkara ini kerana mereka juga pertubuhan politik Melayu yang ingin membela nasib Melayu dan agama

Islam," katanya.

(END)